

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**  
**TARIKH** : **19.5.2016**  
**SOALAN** :

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapakah kertas peperiksaan Pengetahuan Alkitab (*Bible Knowledge*) dalam SPM tidak diadakan dalam Bahasa Malaysia memandangkan ramai penganut Kristian pribumi di Sabah dan Sarawak lebih fasih dalam Bahasa Malaysia. Nyatakan bilangan pelajar yang menyertai peperiksaan Pengetahuan Alkitab pada tahun 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 dan 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mata pelajaran *Bible Knowledge* adalah merupakan mata pelajaran di luar Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) iaitu bukan merupakan kurikulum kebangsaan yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Justeru, KPM menggunakan dokumen asal *Bible Knowledge* dan mengekalkan bahasa dalam dokumen itu sebagai sumber dalam menyediakan kertas peperiksaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan calon yang menduduki peperiksaan mata pelajaran *Bible Knowledge* pada tahun 2013 adalah seramai 387 calon. Manaka pada tahun 2014 seramai 274 calon menduduki peperiksaan ini. Seterusnya seramai 266 calon menduduki peperiksaan mata pelajaran ini pada tahun 2015.